

K-Ekonomi babitkan belia: Pak Lah

Oleh Kadir Dikoh

BH 23 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Khamis - Usaha merangka draf Pelan Induk k-Ekonomi (ekonomi berasaskan pengetahuan) turut membabitkan golongan belia dari seluruh negara kerana penyertaan mereka penting, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, penyertaan golongan di luar kerajaan adalah bagi memberi kesaksamaan dalam proses pembinaan negara, apatah lagi dalam era globalisasi sekarang.

"Malaysia sudah menampakkan pentadbiran yang baik sejak merdeka. Dalam hubungan ini, kerajaan perlu lebih anjal dan bertindak balas supaya dasar kita terus mencerminkan keperluan dan aspirasi semua lapisan masyarakat.

"Penyertaan meluas untuk membuat keputusan dalam proses membina negara memastikan pentadbiran baik berterusan di Malaysia," katanya dalam ucap terna pada Persidangan Perkhidmatan Awam Kebangsaan

Kelima di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), di Bukit Kiara, dekat sini hari ini.

Sebanyak 750 peserta terdiri daripada wakil sektor awam dan swasta menghadiri sidang selama tiga hari itu yang bertemakan "Pentadbiran Baik: Isu dan Cabaran".

Mac lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa kerajaan akan menyiapkan Pelan Strategi Kebangsaan Oktober ini sebagai pelan induk kepada perubahan ekonomi negara berasaskan pengeluaran (P-ekonomi) kepada K-ekonomi.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, pelan induk yang merangkumi strategi K-ekonomi itu bukan khusus untuk golongan elit saja, sebaliknya harus dimanfaatkan segenap lapisan masyarakat, termasuk generasi muda.

Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) diberi mandat oleh kerajaan untuk merangka draf pelan induk peralihan ekonomi

negara sesuatu yang berasaskan pengeluaran kepada pengetahuan.

Abdullah berkata, kepimpinan dan pentadbiran perlu menyesuaikan kuasa-kuasa perubahan yang berlaku seperti globalisasi dan revolusi digital mengikut keperluan negara.

Katanya, dunia sedang menyaksikan peralihan besar dalam bidang ekonomi, politik dan sosial, yang disemarakkan oleh globalisasi serta kebangkitan apa yang dipanggil demokrasi liberal dan revolusi digital.

Beliau berkata, perkara itu menyebabkan perubahan kekal dalam interaksi antara negara-negara dan struktur kuasa dalam negara-negara berkenaan.

"Fokus bagi kepemimpinan dan pentadbiran ialah bagaimana menggunakan kuasa-kuasa perubahan ini bagi manfaat rakyat kita.

"Kita tidak boleh bersikap menyerah kepada perubahan. Sebaliknya kita mesti menyesuaikannya dengan keperluan kita," katanya.